

# Surat Pekeliling Perbendaharaan



**KERAJAAN MALAYSIA**

## PINDAAN PERTAMA

### SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN

**BIL. 6 TAHUN 1997**

#### **DASAR PEROLEHAN KERAJAAN MENGENAI BARANGAN IMPORT DAN PENGGUNAAN PERKHIDMATAN ASING**

Dikelilingkan kepada:

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian,  
 Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan,  
 Ketua-Ketua Badan-Badan Berkawan Persekutuan,  
 Y.B. Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri,  
 Pihak-Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan,  
 Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Kerajaan.

Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan

Kementerian Kewangan Malaysia

Kompleks Kerajaan Blok 9, Jalan Duta

Karung Berkunci No. 11044

50990 Kuala Lumpur.

#### **TAMBAHAN PERTAMA SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 6/97 DASAR PEROLEHAN KERJAAN MENGENAI BARANGAN IMPORT DAN PENGGUNAAN PERKHIDMATAN ASING**

#### **1. TUJUAN**

**4.2.2 SPP Bil.4/96 dan perenggan 4.2 SPP Bil. 6/97 adalah dipinda.**

Sekian. Terima kasih.

"**BERKHIDMAT UNTUK NEGARA**"  
"JIMAT DAN PRODUKTIF"

Saya yang menurut perintah,

**(DATO' DR HAJI MOHD. SHAHAR BIN SIDEK)**  
Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan,  
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan,  
Kementerian Kewangan Malaysia.

Bertarikh 27 Januari 1998

No. Fail S/K.KEW/PK/PP/1100/00000/10/31 Jld.2(1)

s.k

Akauntan Negara Malaysia;  
Ketua Audit Negara Malaysia;  
Semua Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri;  
dan Semua Ketua Bahagian Perbendaharaan Malaysia.

MADE BY GOVT FORMS - 1000

1.1. Surat Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan kekeliruan yang wujud kepada semua Kementerian/Jabatan/ Badan Berkanun (Agenzi) dan Syarikat Kerajaan (termasuk anak-anak syarikat) bagi melaksanakan Dasar Perolehan Kerajaan Mengenai Barang Import dan Penggunaan Perkhidmatan Asing.

## 2. PINDAAN

2.1. Selaras dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan 2/95 - **Tatacara Penyediaan, Penilaian dan Penerimaan Tender**, semua Agenzi dan Syarikat Kerajaan (termasuk anak-anak syarikat) **dikecuali** daripada mematuhi dasar dan peraturan perolehan yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 1997 untuk pelaksanaan semua projek-projek yang melibatkan pembentukan institusi-institusi kewangan antarabangsa seperti Bank Dunia (WB), Bank Pembangunan Asia (ADB), Bank Pembangunan Islam (IDB) dan Overseas Economic Corporation Fund (OECF).

2.2. Setelah Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian (SIRIM) dikorporatkan pada 1 September 1996, hakcipta penerbitan Standard Malaysia (MS) telah dipindah di bawah tanggungjawab **Jabatan Standard Malaysia**. Bagi mengambilkira perubahan tersebut pindaan kepada SPP 4/96 - **Penggunaan Barang-Barang Buatan Tempatan Dalam Perolehan Kerajaan** dan SPP 6/97 - **Dasar Perolehan Kerajaan Mengenai Barang Import dan Penggunaan Perkhidmatan Asing** hendaklah dibuat.

2.3. Dengan perubahan tersebut, sub perenggan 4.2.2. SPP 4/96 dan perenggan 4.2 SPP 6/97 hendaklah dipinda seperti berikut:-

"4.2.2. Agenzi hendaklah menetapkan supaya spesifikasi barang yang digunakan adalah berasaskan Standards Malaysia (MS) yang diterbitkan oleh **Jabatan Standard Malaysia dan terbitan-terbitan sebelumnya**. Jika tidak ada MS, spesifikasi jabatan yang disediakan dalam satu Jawatankuasa Penentuan Spesifikasi atau spesifikasi antarabangsa lain yang sesuai hendaklah digunakan. Barang yang dibekalkan hendaklah mematuhi spesifikasi yang telah ditetapkan."

"4.2. Agenzi hendaklah menetapkan supaya spesifikasi barang yang digunakan adalah berasaskan Standards Malaysia (MS) yang diterbitkan oleh **Jabatan Standard Malaysia dan terbitan-terbitan sebelumnya**. Jika tidak ada MS bagi item yang berkenaan, spesifikasi jabatan yang disediakan oleh satu Jawatankuasa Penentuan Spesifikasi atau spesifikasi antarabangsa lain yang sesuai hendaklah digunakan."

## 3. PELAKSANAAN DASAR DAN PERATURAN PEROLEHAN

3.1. Bagi maksud permohonan pengecualian dari mematuhi dasar dan peraturan perolehan yang ditetapkan dan menjelaskan kekeliruan yang ditimbul, kaedah dan peraturan yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:-

(a) Bagi perolehan bekalan, agensi hendaklah memohon untuk mendapat pengesahan MITI bagi membolehkan perolehan barang import dilakukan samada sebelum atau selepas tender. Pengesahan MITI yang diberikan bermaksud agensi atau syarikat boleh membuat perolehan secara *free on board* tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan Perbendaharaan Malaysia. Jika perolehan hendak dibuat secara CIF atau ex-stock, kelulusan Perbendaharaan Malaysia hendaklah diperolehi terlebih dahulu.

(b) Bagi perolehan kerja, pengimportan alat mekanikal/elektrikal dan bahan-bahan binaan oleh kontraktor yang berjaya juga hendaklah dirujuk kepada MITI. Pengesahan MITI bermaksud agensi atau syarikat boleh membuat perolehan secara *free on board* tanpa merujuk kepada Perbendaharaan Malaysia jika ia bukan merupakan Senarai Bahan-Bahan Binaan Tempatan. Jika barang tersebut terkandung dalam Senarai Bahan-Bahan Binaan Tempatan atau pembelian akan dibuat secara *ex-stock* atau *CIF* maka pengecualian hendaklah diperolehi dari Perbendaharaan Malaysia terlebih dahulu.

(c) Bagi perolehan perkhidmatan (termasuk perkhidmatan perunding) luar negara, permohonan hendaklah dibuat terus kepada Perbendaharaan Malaysia tanpa merujuk kepada MITI.

## 4. KUATKUASA DAN PEMBATALAN

4.1 Surat Pekeliling Perbendaharaan ini berkuatkuasa serta merta. Dengan berkuatkuasanya arahan ini, sub-perenggan